



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**  
**KALENDAR PEPERIKSAAN**  
**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2019**

PERKARA	PEPERIKSAAN (TAHUN DILAKSANA)				
	Semester 1 (2019)	Semester 2 (2019)	Semester 3 (2019)	Ulangan 1 (2019)	Ulangan 2 (2019)
Tarikh Pendaftaran Dibuka	21 Mei 2018 (Semua jenis calon)			Akan ditentukan kemudian	Akan ditentukan kemudian
	-	7 Januari 2019 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)	-		
	-	5 Mac 2019 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2018)	-		
Tarikh Pendaftaran Ditutup	16 Julai 2018 (Semua jenis calon)			Akan ditentukan kemudian	Akan ditentukan kemudian
	-	25 Januari 2019 (Calon sekolah swasta dan calon persendirian individu sahaja)	-		
	-	26 April 2019 (Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2018)	-		
Tarikh Ujian Lisan Bahasa Arab	-	-	Akan ditentukan kemudian	-	-
Tarikh Peperiksaan Bertulis	22, 26, 27, dan 28 November 2018	Akan ditentukan kemudian	Akan ditentukan kemudian	Akan ditentukan kemudian	Akan ditentukan kemudian

**Kemaskini pada: 16 Julai 2018 (Semua tarikh tertakluk kepada pindaan)**

**Nota:**

- Semua maklumat yang tertera adalah tertakluk kepada pindaan dan kelulusan Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Pendaftaran bagi calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dibuat sekaligus pada Semester 1.
- Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2018 boleh mendaftar pada Semester 2 sebagai calon sekolah swasta atau calon persendirian individu. Calon akan menduduki peperiksaan bertulis bagi Semester 1 dan Semester 2 sekaligus pada Semester 3.
- Calon yang ingin memperbaiki keputusan peperiksaan STPM 2018 dikehendaki memilih dan menduduki kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan Kerja Kursus (KK). Namun demikian, sekiranya tidak terdapat kertas peperiksaan alternatif bertulis yang sedemikian bagi sesuatu mata pelajaran, maka calon boleh memilih sama ada hendak melaksanakan Kerja Kursus atau tidak melaksanakannya mengikut pilihan yang berikut:
  - Jika calon memilih untuk tidak melaksanakan Kerja Kursus, maka markah KK yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan digunakan untuk skor KK tahun mengulang. Kemudahan ini hanya boleh digunakan **sekali sahaja** dan tidak boleh digunakan sekiranya calon mengulang peperiksaan STPM dua tahun atau lebih selepas menduduki peperiksaan pertama.
  - Jika calon memilih untuk melaksanakan Kerja Kursus yang baharu pada tahun mengulang, maka markah KK yang diperoleh oleh calon dalam peperiksaan STPM sebelumnya akan terbatal dan tidak boleh merayu untuk diambil markah Kerja Kursus STPM tersebut.(Maklumat lanjut sila rujuk pada Perkara 3 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2019** tentang Pendaftaran Lewat).
- Bagi calon yang mengambil mata pelajaran baharu berbanding tahun lepas dan tiada markah KK tahun sebelumnya, calon dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan KK. Namun demikian, sekiranya mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas peperiksaan alternatif bertulis bagi menggantikan KK, calon dikehendaki melaksanakan KK (Maklumat lanjut sila rujuk pada Perkara 3 dalam **Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM 2019** tentang Pendaftaran Lewat).
- Permohonan semak semula markah dibuka selama 7 hari bermula daripada keputusan peperiksaan Semester 1, Semester 2, dan Semester 3 dimuat naik.
- Sebarang pertanyaan, sila hubungi Majlis Peperiksaan Malaysia di talian **03-61261600 samb. 1661/1662/1663/1664/1665**.